



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

## TEKS UCAPAN

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

## SEMPENA

**MAJLIS PELUNCURAN PEMBANGUNAN  
PERUMAHAN RESIDENSI MADANI PUTRAJAYA**

**28 OKTOBER 2024**

**TAPAK PROJEK PEMBANGUNAN  
RESIDENSI SENTRAL  
PRESINT 7, PUTRAJAYA**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ  
الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ  
الْعَالَمِينَ،  
وَالصَّلَاةُ  
وَالسَّلَامُ عَلَى  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
أَشْرَفٌ

المرسلين ،  
و على آله  
و صحبه أجمعين

## **SALUTASI AKAN DISEDIAKAN**

Assalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam  
Malaysia MADANI.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan

limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama pada hari ini sempena Majlis Peluncuran Pembangunan Perumahan Residensi MADANI Putrajaya.

2. Saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas kesudian beliau hadir ke majlis ini,

meskipun jadual beliau padat. *Thank you sir, for your time.*

## **4,000 UNIT RESIDENSI MADANI DI 7 TAPAK AKAN DIBINA DI PUTRAJAYA**

YAB Dato' Seri dan para hadirin sekalian,

3. Untuk tempoh 10 tahun, bermula tahun 2018 hingga tahun 2028, Jabatan Wilayah Persekutuan telah menyasarkan sebanyak 80,000 unit rumah mampu milik dibina di Wilayah Persekutuan, baik di Kuala Lumpur, Putrajaya dan di Labuan. Ini adalah usaha kita untuk menyokong sasaran yang telah ditetapkan oleh pihak KPKT, iaitu untuk membina secara keseluruhannya setengah juta atau 500,000 rumah mampu milik di seluruh negara.
4. Pada ketika ini, sebanyak 62,968 unit merangkumi unit yang telah siap, sedang dalam pembinaan dan yang telah menerima Perintah

Pembangunan melibatkan sebanyak 93 projek, dan daripada jumlah tersebut sebanyak 48 projek merangkumi 29,525 unit rumah mampu milik atau 42.8% daripada sasaran **telah berjaya** disiapkan di Wilayah Persekutuan ini.

5. Untuk makluman YAB Dato' Seri, saya telahpun mengarahkan DBKL, Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan untuk teliti semua

projek pembangunan ini agar iaanya disiapkan sesegera mungkin.

6. Kita faham, ada di antara mereka, yang berpendapatan sederhana dan rendah, tidak mampu untuk beli rumah di Putrajaya dek kerana harga harta tanah yang agak tinggi.
7. 60% daripada penduduk di Putrajaya ini adalah dalam kalangan penjawat awam, tetapi kuarters kerajaan pula terhad dan tidak dapat menampung keperluan mereka.
8. Jadi, Insya-Allah, kita telah kenal pasti 7 tapak dan juga telah luluskan pembinaan 10,000 unit residensi, di

mana 40% daripadanya atau 4,000 unit adalah Residensi MADANI berkeluasan minimum 800 kaki per segi dengan harga jualan maksimum RM200,000 seunit di Putrajaya dan ini akan dilaksanakan oleh 7 pemaju serta dijangka siap dibina menjelang tahun 2028. Saya telah minta Dato' Fadlun untuk pastikan pembangunan ini disegerakan.

9. Untuk makluman, kita sedang buka permohonan residensi ini, bukan sahaja terhad kepada penjawat awam, tetapi juga kepada orang awam.

Sehingga kini, kita telah terima kira-kira 10,000 permohonan. *Demand* kepada residensi ini agak tinggi, tapisan akan dilaksanakan dan mana yang benar-benar layak sahaja akan ditawarkan. Oleh itu, saya percaya menerusi pembangunan ini, sasaran untuk mencapai 350,000 orang penduduk di Putrajaya menjelang tahun 2050 berbanding 130,000 orang penduduk sahaja sekarang ini, akan berdikit-dikit kita capai. Insya-Allah, *slowly but surely.*

**PUJI BANTU MENGANGKAT DARJAT  
RAKYAT DAN MENOKTAHKAN  
KEMISKINAN TEGAR**

YAB Dato' Seri dan para hadirin sekalian,

10. Pembangunan mana-mana kota tidak hanya ditandai dengan mercu tanda yang hebat, bangunan-bangunan pencakar langit yang memukau keindahan, tetapi apa yang lebih penting adalah keselesaan dan martabat dan darjat rakyat terbanyak harus terus diangkat dan dijulang.
  
  11. Di sini kita patut berikan pujian kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri kita. Beliau, sedari saya kenal 26 tahun yang lalu, tidak pernah lekang dari mulut beliau tentang maslahah

rakyat, antaranya tentang kesenjangan di antara rakyat kaya dan miskin. Kini, beliau sebagai teraju kepada Kerajaan, saban minggu dalam Kabinet, ini lah penekanan yang beliau bawa. Seperti Residensi MADANI, dengan tekad politik, Kerajaan MADANI pimpinan Dato' Seri Anwar berjaya laksanakannya.

12. **Insya-Allah sir, jaminan dari saya, Kor Ming pun ada di sini, your Ministers will do our level best to help you, help the rakyat, and make sure that we uplift the dignity of the rakyat.**

13. Saya ambil kesempatan ini Dato' Seri, untuk maklumkan bahawa di Jabatan Wilayah Persekutuan, kita sahut agenda untuk menoktahkan kemiskinan tegar dengan memperkenalkan satu *signature program* yang kita namakan sebagai Program Usaha Jaya Insan atau PUJI, di mana kita rangka sebagai model *exit strategy* daripada kemiskinan tegar ini.
14. Selain daripada kita berikan bantuan kewangan dan memberikan mereka peluang untuk mendapatkan barang keperluan harian dengan harga yang murah seperti melalui MyGrocer,

Jualan Rahmah dan sebagainya, kita juga bantu mereka yang produktif ini melalui pendayaupayaan kepada mereka, bantu ajar mereka untuk berniaga. Alhamdulillah Dato' Seri, kita ada *success story* yang dah berjaya, dari seorang miskin tegar, sehingga mendapat pendapatan RM 9,000 sebulan dan ada daripada mereka yang dah mula menjadi pembayar zakat juga.

15. Usaha ini saya kira perlu diteruskan. Mungkin hari ini kita boleh berbangga dengan kejayaan kita yang telah berjaya menoktahkan miskin tegar daripada jumlah *locked data* pada awal tahun lalu, seramai 1,524 orang Ketua

Isi Rumah di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Tetapi saya beritahu kepada Dato' Indera Noridah, kita tak boleh berhenti di sini. Kemiskinan ini sifatnya dinamik, jadi saya ingin maklumkan di sini Dato' Seri, Jabatan Wilayah Persekutuan komited untuk menoktahkan kemiskinan tegar dan akan terus melaksanakan program PUJI ini.

16. Selain itu, residensi mampu milik seperti Residensi MADANI dan Residensi Wilayah juga merupakan sebahagian dari PUJI yang kita

masukkan di bawah *flagship* Lindung  
@ PUJI.

**PEMBINAAN RESIDENSI MADANI  
PUTRAJAYA BERASASKAN TRANSIT-  
ORIENTED DEVELOPMENT SELARAS  
ASPIRASI BANDAR CHASE**

YAB Dato' Seri dan para hadirin sekalian,

17. Seperti yang kita lihat pada hari ini, majlis yang kita adakan ini adalah berhampiran dengan Terminal Putrajaya, di mana, bakal penghuni Residensi MADANI khususnya di Residensi Sentral akan mempunyai akses kepada bukan sahaja MRT, tetapi juga KLIA Express dan Bas Nadi Putra iaitu bas yang menjadi penghubung ke setiap presint di Putrajaya.
18. Ini adalah salah satu konsep yang sedang berkembang dalam *urban development* pada masa kini, dan kita implementasikan di Putrajaya dan

Kuala Lumpur, iaitu TOD atau *transit-oriented development*.

19. Data yang kita ada juga menunjukkan bahawa jumlah *ridership* Bas Nadi Putra mencapai lebih 40,000 penggunaan sebulan, dibandingkan dengan pada tahun lepas sekitar hanya 30,000 ke 32,000 penggunaan sahaja dalam sebulan.
20. Selain itu, keindahan Putrajaya yang dilengkapi dengan taman-taman indah dan sesuai untuk aktiviti riadah bersama keluarga akan menjadi faktor yang menarik orang awam untuk

memilih Putrajaya sebagai tempat tinggal mereka.

21. Dan sudah pasti, ini juga adalah bertepatan dengan konsep Bandar CHASE yang telah saya perkenalkan pada awal tahun baru-baru ini, iaitu *Clean City, Healthy City, Advance City, Safe City* dan *Eco-friendly City*, di

mana berpaksikan gagasan Malaysia MADANI, kita akan pastikan ketiga-tiga Wilayah Persekutuan sebagai bandar raya yang berdaya huni atau *liveable* kepada semua lapisan masyarakat.

22. Di kesempatan ini, saya juga ingin ucapkan tahniah kepada Perbadanan Putrajaya kerana telah berjaya diiktiraf sebagai Bandar Paling Mampan 2024 dan menerima penarafan Bandar Pintar Tahap 2 atau *Developing Smart City* oleh KPKT sempena Hari

Perancangan Bandar Sedunia  
Peringkat Kebangsaan 2024 pagi tadi.

## **PENUTUP**

YAB Dato' Seri dan para hadirin sekalian,

23. Saya percaya inisiatif kita untuk membantu rakyat melalui perumahan mampu milik ini adalah bukti jelas

tentang kepedulian Kerajaan MADANI kepada rakyat yang berada dalam kategori B40 dan M40, termasuk para penjawat awam.

24. Belanjawan 2025 yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini pun memberi fokus kepada usaha untuk mengangkat martabat rakyat.
  
25. Di peringkat Jabatan Wilayah Persekutuan, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dato' Seri

kerana memberi penumpuan dalam menyokong usaha-usaha kami di Wilayah Persekutuan, seperti program PUJI yang telah terbukti keberkesanannya, juga isu-isu keselamatan di Kuala Lumpur dan turut menyokong usaha *smart city* di Putrajaya dan Labuan.

26. Sekali lagi saya ucapkan jutaan terima kasih kepada YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim atas senggang masa yang diberikan kepada kami untuk peluncuran pada hari ini. Mari kita sama-sama doakan agar Dato' Seri sentiasa berada dalam keafiatan untuk

memimpin Malaysia ke arah yang lebih cemerlang.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah  
wassalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.